

Pelajar akan didedahkan dengan penyelidikan secara realistik: Mahmud

NS T 15/09/2011 18

OLEH ROZZALIN HASHIM
(rozzalin@newsabahtimes.com.my)

SANDAKAN: Pelajar yang akan mengikuti pengajian di Sekolah Pertanian Lestari (SPL), Universiti Malaysia Sabah (UMS) bakal didedahkan dengan penyelidikan secara realistik melibatkan pengeluaran tanaman dan ternakan termasuk hortikultur serta lanskap.

Dekan SPL, Prof.Madya Dr.Mahmud Hj Sudin berkata seperti mana matlamat utama sekolah itu untuk menghasilkan graduan yang berpengetahuan dalam bidang pertanian maka pihak universiti akan menjalankan kerjasama dengan beberapa industri berkaitan dalam usaha mendapatkan data-data penyelidikan.

Beliau berkata, pihak universiti akan memfokuskan kepada penyelidikan berteraskan bidang sains pertanian di mana pelajar akan diajar ilmu

pengetahuan dan pendekatan penyelidikan terkini dalam bidang tersebut.

Katanya, pengajian yang akan dijalankan juga turut menekankan aspek penanaman percubaan iaitu menguji tahap sejauh mana keberkesanan teknologi terkini kerana apa yang penting dapat mengekalkan kualiti alam sekitar.

"Kita akan fokus kepada penyelidikan secara realistik sesuai dengan teknologi dan geomorfologi Negeri Sabah yang kaya dengan kepelbagaian sumber pertanian," jelasnya.

Dr.Mahmud berkata demikian kepada pemberita semasa sidang akhbar selepas ditemui dalam Majlis Amanat Dekan SPL di Dewan Serbaguna sekolah berkenaan pada malam Isnin lepas.

Mengenai kemasukan pelajar baru yang akan mengikuti pengajian bagi sesi 2011/2012, beliau berkata setakat ini seramai 64 orang pelajar dari selu-


ruh negara telah mendaftar masuk untuk memulakan sesi pembelajaran di kampus baru itu.

Beliau menjangkakan lebih ramai lagi pelajar yang akan mendaftar sebab biasanya pihak universiti akan mempertimbangkan pendaftaran di peringkat rayuan yang dijalankan kelak.

Dekan SPL itu turut memberitahu bahawa program-program yang ditawarkan ialah Sarjana Muda Sains Pertanian (Pengeluaran Tanaman), Sarjana Muda Sains Pertanian (Hortikultur dan Lanskap) serta Sarjana Muda Sains Pertanian (Pengeluaran Ternakan).

Jumlah keseluruhan pelajar 253 iaitu Tahun 4 sesi 2008/2009 dengan 68 pelajar; Tahun 3 sesi 2009/2008 53 pelajar; Tahun 2 sesi 2010/2009 68 pelajar dan Tahun 1 sesi 2011/2012 64 pelajar.

SPL telah mengeluarkan seramai 61 orang graduan pertama pada Majlis



AMANAT DEKAN ... Dr.Mahmud semasa menyampaikan amanat beliau kepada pelajar-pelajar baru yang akan mengikuti sesi pembelajaran di sekolah itu

Konvokesyen UMS Ke-12 pada 9 Oktober 2010.

Keluasan tapak adalah 244.64 ekar dengan keluasan ruang 21,343 MP (bangunan utama) dan 430 ekar ladang.

Ketika ini, sekolah tersebut mempunyai 42 orang tenaga pengajar yang tidak termasuk staff sokongan seperti pembantu makmal dan staff di pejabat pentadbiran.

Untuk rekod, sejarah penubuhan SPL iaitu pada 24 November 2004, UMS genap mencapai usia 10 tahun penubuhannya. Sempena ulangtahun tersebut, UMS melalui Program Teknologi Tumbuhan di bawah Sekolah Sains dan Teknologi merasakan telah tiba masanya untuk universiti itu menubuhkan sebuah sekolah atau fakulti yang dapat memfokuskan kepada pengajian dan penyelidikan dalam bidang sains pertanian.


la sesuai dengan geomorfologi negeri ini yang sememangnya kaya dengan kepelbagaian sumber pertanian maka iltizam penubuhan Sekolah Pertanian di UMS dikuatkan lagi oleh dua faktor persekitaran yang penting iaitu bagi mendukung 'Pelan Halatuju Pembangunan dan Kemajuan Negeri Sabah' yang telah disampaikan oleh Ketua Menteri, Datuk Seri Musa Haji

Aman pada 27 April 2003 dan yang terbaru adalah pelancaran Koridor Pembangunan Sabah oleh Perdana Menteri Malaysia pada 29 Januari 2008.

Secara konseptual, kedua-dua pelan strategik tersebut telah meletakkan pertanian sebagai salah satu agenda utama pembangunan sosio ekonomi negeri ini. Oleh yang demikian, UMS akan terus memandag ke hadapan bagi memastikan SPL yang telah ditubuhkan secara rasminya pada 4 Mei 2006 mampu menggalas agenda pembangunan masyarakat dan negara, khususnya dalam bidang pendidikan dan penyelidikan sains pertanian.

Sekolah ini telah ditubuhkan bertujuan untuk melatih para pelajar menjadi tenaga mahir bagi membantu meningkatkan hasil dan ekonomi pertanian negara.

Pelajarnya akan diajar ilmu pengetahuan dan pendekatan penyelidikan terkini dalam bidang pertanian selaras dengan misi dan visi yang juga menekankan pengeluaran hasil pertanian negara yang sesuai, selamat dan mencukupi bagi kegunaan tempatan dan menembusi pasaran global disamping mengekalkan kualiti alam sekitar yang baik.



DENGAR...
Sebahagian mahasiswa dan siswi yang hadir pada majlis itu.